

# Banjir landa Sarawak

149 penghuni rumah panjang di Bintulu dipindahkan

BH 3/12/08

Oleh Matzidi Dris

**K**UCHING: Banjir kini mulai melanda Sarawak apabila 149 termasuk 17 kanak-kanak, penghuni rumah panjang masyarakat Iban di Bahagian Bintulu, dipindahkan ke Dewan Sukan Tatau, pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Negeri, Tan Sri Dr George Chan, berkata penghuni Rumah Panjang Manja, Sungai Jelai itu adalah kumpulan pertama dipindahkan ke kawasan tinggi selepas kawasan berkenaan dinaiki air kira-kira satu meter pagi tadi.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang meninjau kawasan itu dengan menaiki helikopter diberi taklimat mengenai persediaan menghadapi banjir.

Katanya, dalam tempoh 24 jam lalu, 180 mililiter jumlah taburan hujan dicatatkan di bahagian berkenaan yang boleh menyebabkan paras air naik dan berlaku banjir terutama di kawasan rendah.

Pegawai daerah Tatau dan Lembaga Sungai Sarawak kini memantau keadaan di semua kawasan rendah seperti di Sangan dan Kakus bagi memastikan orang ramai sudah bersedia untuk dipindahkan jika keadaan semakin buruk.

Sementara itu, pusat operasi banjir daerah Tatau, menerima laporan, sebuah lagi rumah panjang suku kaum Iban Rumah Jubing, dinaiki banjir.

Seorang jurucakap pusat itu berkata, pelbagai usaha dilakukan un-

tuk pergi ke rumah panjang itu yang terletak di hulu Sungai Tatau.

Dr Chan semalam turut melawat Skim Pengawalan Air Sungai Sarawak (Baraj) di sini. Beliau diberi taklimat mengenai langkah pencegahan banjir berikutan amaran banjir yang dikeluarkan kerajaan negeri bagi kawasan rendah sepanjang tebing sebelah kanan Sungai Sarawak dalam bahagian Kuching.

Dr Chan berkata, beberapa kawasan seperti Batu Kawa, Kampung Landeh, Kampung Skio dan SRB Chung Hua No 6 diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga disebabkan paras air yang semakin meningkat sehingga jam 4 pagi semalam.

Beliau berkata, langkah pencegahan banjir juga merangkumi penutupan semua pintu air di bendungan rendah Sungai Sarawak bagi mewujudkan kawasan takungan air di samping dapat menahan gelombang besar selama 12 jam, yang akan membolehkan kawasan sekitar memperoleh kesan pengaliran air keluar secara maksimum.

Dr Chan berkata, monsun timur laut yang menghala ke arah Tanjung, dijangka membawa hujan lebat, terutama di kawasan tadahan air dalam tempoh beberapa hari akan datang.

Bagaimanapun beliau yakin pembinaan kemudahan bendungan rendah baru Sungai Sarawak bernilai RM2.8 juta yang dapat menghantar data mengenai paras air dan hujan dari 24 stesen pemantau, dapat membantu pihak berkuasa bersedia terhadap sebarang kemungkinan.

Beliau berkata, orang ramai perlu bersedia berpindah sebaik saja mendengar bunyi siren amaran, yang boleh didengar sehingga jarak satu kilometer, dan mereka boleh mendapatkan bantuan di 21 pusat pemindahan banjir di Kuching, 18 di Bau dan 13 di Lundu, yang sudah diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga.

Orang ramai juga dinasihatkan berjaga-jaga kerana bahagian tebing Sungai Sarawak boleh dilimpahi air pada bila-bila masa jika hujan berterusan di bahagian hulunya, manakala ombak besar setinggi 5.9 meter juga dijangka berlaku pada Selasa ini.

Dr Chan berkata, dua pegawai dari Bahagian Keselamatan Negara Sarawak juga dihantar ke Johor untuk memerhati cara yang digunakan negeri yang dilanda banjir itu dalam pengurusan bencana.

Di SANDAKAN, dua rumah musnah selepas ditimpa limpahan lumpur dari air atas bukit di Kampung Sun-

dang Bukit di Batu Putih semalam.

Tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan semua penghuni kedua-dua rumah sempat menyelamatkan diri dalam kejadian kira-kira jam 8 pagi ketika hujan lebat melanda bahagian Sandakan.

Sementara itu, Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Sandakan, Razali Awang Amat menasihatkan penduduk kampung di sekitar kawasan itu supaya sentiasa berjaga-jaga terutama pada musim hujan yang berterusan melanda bahagian Sandakan.

Sementara itu di KOTA KINABALU hujan berterusan yang melanda Kudat, daerah di utara pantai Barat Sabah sejak empat hari lalu memaksa lebih 600 penduduk dari tiga kampung dipindahkan ke pusat pemindahan banjir, semalam.

Mereka ialah daripada 110 keluarga dari Kampung Korina, Endap Jawa dan Narandang di Sikuati, Kudat dipindahkan mulai 12 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Kudat, Deputi Superintendan Razaruddin Husain, berkata setakat petang tadi ketiga-tiga kampung itu dinaiki air kira-kira 1.2 meter.

Beliau berkata, keputusan memindahkan penduduk dilakukan kerana bimbang kemungkinan keadaan bertambah buruk apabila air laut mula pasang kerana kebanyakan kampung berdekatan dengan kawasan pantai.

Razaruddin berkata semua penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan banjir iaitu di Sekolah Kebangsaan Lok Yuk, Sikuati kira-kira 170 kilometer dari sini.

## FAKTA NOMBOR

Banjir di Sarawak

180ml

Jumlah taburan hujan dicatat

5.9m

Ramalan paras ombak Selasa ini